



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

**PENERIMAAN PENDENGAR TERHADAP MUZIK JAZZ DI
MALAYSIA : SATU KAJIAN KEATAS PENGUNJUNG JAZZ AMPANG
103, KUALA LUMPUR.**

Haziqah Binti Sued

54621

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)**

208

**PENERIMAAN PENDENGAR TERHADAP MUZIK JAZZ DI MALAYSIA: SATU
KAJIAN KE ATAS PENGUNJUNG JAZZ AMPANG 103, KUALA LUMPUR.**

HAZIQA BINTI SUED

54621

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
Pengurusan Seni

**Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

2018

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on theday of.....2018.

Student's Declaration:

I HAZIQAH BINTI SUED, 54621, FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS hereby declare that the work entitled, PENERIMAAN PENDENGAR TERHADAP MUZIK JAZZ DI MALAYSIA: SATU KAJIAN KEATAS PENGUNJUNG JAZZ AMPANG 103, KUALA LUMPUR is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

5/6/2018

Date submitted



Haziqah Binti Sued (54621)

Supervisor's Declaration:

I MOHD SHARIZAM BIN HAMZAH hereby certifies that the work entitled PENERIMAAN PENDENGAR TERHADAP MUZIK JAZZ DI MALAYSIA: SATU KAJIAN KEATAS PENGUNJUNG JAZZ AMPANG 103, KUALA LUMPUR was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of IJAZAH SARJANA SENI GUNAAN DENGAN KEPUJIAN (PENGURUSAN SENI), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is The said student's work.

Received for examination by:



Date:

5/6/18

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done?)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the absolute interest and rights as follows:

This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitise the content to for the Local Content Database.
The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes sole property of UNIMAS.
This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student's signature


(Date)

Supervisor's signature


(Date)

5/6/18

Current Address:

Apartment Zafir, C7-422, Taman Impian Emas 3, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.

Note: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument was duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk **Penerimaan Pendengar Terhadap Muzik Jazz Di Malaysia: Satu Kajian Ke Atas Pengunjung Jazz Ampang 103, Kuala Lumpur'** telah disediakan oleh **Haziqah binti Sued** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

MOHD SHARIZAM HAMZAH

Tarikh: _____

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana kurniaan dan rahmat dari-Nya, saya telah berjaya melengkapkan kajian yang telah dijalankan. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia, Encik Mohd Sharizam Hamzah di atas segala ilmu dan tunjuk ajar yang telah diberi sepanjang tempoh pelaksanaan kajian ini. Tanpa bimbingan beliau, tidak mungkin saya mampu menyiapkan kajian ini. Selain itu saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Jazz Ampang 103, Encik Hudzaifah Hassan kerana sudi memberikan kerjasama serta tidak lokek ilmu dan masa dalam memberikan maklumat berkaitan kajian yang dijalankan.

Turut tidak dilupakan, terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya yang disayangi kerana telah banyak berkorban dalam membantu dari segi kewangan dan sokongan moral. Seterusnya, terima kasih juga saya ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan di atas pertolongan yang dihulurkan secara langsung dan tidak langsung. Sekalung ucapan tahniah turut saya ucapkan kepada rakan-rakan kerana telah berjaya menyempurnakan kajian. Besar harapan saya agar kajian yang dilakukan ini boleh memberi manfaat kepada masyarakat serta dijadikan contoh dan rujukan kepada pengkaji yang akan datang.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Isi Kandungan iii	ii-
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	iv
Senarai Jadual	v
Senarai Rajah	vi
Senarai Gambar	vi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan bab	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1-3
1.3 Permasalahan Kajian	4-5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	7-8
1.7 Skop dan Batasan Kajian	8-9
1.8 Limitasi Kajian	9-10
1.9 Kesimpulan bab	11
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan bab	12
2.2 Buku	12-17
2.3 Akhbar	18-20
2.4 Kesimpulan bab	20

BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan bab	21-22
3.2	Kaedah pengumpulan data	22
	a) Data Primer	22
	i- Kuantitatif	22-23
	ii-Kualitatif	23
	-Temu bual	23-24
	-Pemerhatian	24
	b) Data Sekunder	24-25
	-Buku	25-26
	-Internet	26-27
3.3	Teori yang Digunakan	27-28
3.4	Kesimpulan bab	29
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan bab	30
	-Kaedah temu bual	30-31
	-Kaedah borang soal selidik	31
4.2	Persoalan 1	39-50
4.3	Persoalan 2	50-57
4.4	Kesimpulan bab	58
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan bab	59
5.2	Cadangan dan Penambahbaikan	60-64
5.3	Kesimpulan kajian	64
RUJUKAN		65-68
LAMPIRAN		69-94

**PENERIMAAN PENDENGAR TERHADAP MUZIK JAZZ DI MALAYSIA:
SATU KAJIAN KE ATAS PENGUNJUNG JAZZ AMPANG 103, KUALA
LUMPUR.**

Haziqah Binti Sued

Mohd Sharizam Hamzah

2018

Kajian ini dijalankan ke atas sebuah komuniti Jazz di Ampang untuk melihat tahap penerimaan golongan komuniti tersebut terhadap muzik Jazz. Kajian ini akan dijalankan di Jazz Ampang 103, Taman Sri Ampang. Hasil daripada kajian ini diharap dapat membantu dalam usaha untuk meningkatkan tahap penerimaan pengunjung terhadap muzik bergenrekan Jazz di Ampang, Kuala Lumpur.

SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL	MUKA SURAT
4.1 Bangsa Responden	35
4.2 Jenis Pekerjaan Responden	36
4.3 Jumlah responden yang mengetahui dan menyukai muzik Jazz	38
4.4 Sumber yang dirujuk responden mengenai Jazz Ampang 103	41
4.5 Kekерapan responden hadir menyaksikan persembahan di Jazz Ampang	42
4.6 Jumlah penonton yang terhibur semasa menyaksikan persembahan di Jazz Ampang 103	44
4.7 Pernyataan tentang Muzik Jazz hanya untuk golongan elit	45
4.8 Responden pernah hadir ke persembahan Jazz selain Jazz Ampang 103	47
4.9 Tahap penyelesaian responden terhadap suasana dan persekitaran	48
4.10 Pernyataan tentang hadir ke Jazz Ampang 103 lebih menjimatkan	53
4.11 Keberkesanan promosi Jazz Ampang 103 yang mempengaruhi kehadiran pengunjung.	55
4.12 Kepercayaan responden terhadap potensi yang ada pada Jazz Ampang 103.	56

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH	MUKASURAT
4.1 Umur Responden	34
4.2 Jenis Bangsa	35
4.3 Jenis pekerjaan responden	36
4.4 Taraf pendidikan responden	37
4.5 Adakah anda tahu dan menyukai muzik Jazz?	38
4.6 Bagaimanakah anda mengetahui tentang persembahan Jazz Ampang 103?	41
4.7 Berapa kalikah anda pernah menyaksikan persembahan di Jazz Ampang 103?	43
4.8 Adakah anda terhibur semasa menyaksikan persembahan Jazz Ampang 103?	44
4.9 Adakah anda bersetuju muzik Jazz hanya untuk golongan elit sahaja?	45
4.10 Tidak bersetuju bahawa Jazz adalah muzik golongan elit	46
4.11 Adakah anda berasa selesa dengan suasana dan persekitaran di Jazz Ampang 103?	49
4.12 Adakah anda setuju dengan hadir ke Jazz Ampang 103 lebih menjimatkan?	54
4.13 Adakah Promosi Jazz Ampang 103 berkesan untuk mengajak responden hadir menyaksikan persembahan.	55
4.14 Adakah Jazz Ampang 103 berpotensi untuk dikembangkan ke peringkat lebih tinggi?	57

SENARAI GAMBAR

SENARAI GAMBAR	MUKASURAT
1.1 Logo rasmi Jazz Ampang 103	3
4.1 Poster Jazz Ampang 103	33
4.2 Tema “ <i>Back to Blues</i> ”.	33

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. PENGENALAN BAB

Pada bab ini, pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut tentang kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji secara keseluruhan. Bab ini juga akan diuraikan oleh pengkaji dalam beberapa bahagian dan subtopik yang lebih kecil iaitu mengenai latar belakang, objektif, persoalan dan skop kajian. Pada bahagian latar belakang kajian, akan merangkumi pelbagai aspek yang terlibat dalam kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Seterusnya pada bahagian objektif dan persoalan kajian juga akan membincangkan berkenaan segala persoalan yang ingin dikupas dan diketahui jawapannya melalui kajian yang akan dijalankan ini. Pada bahagian skop kajian pula, pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan apa yang bakal dinilai serta dicapai dalam kajian yang akan dilakukan pengkaji.

1.2. LATAR BELAKANG KAJIAN

S.Mulyanto (2008) menyatakan bahawa Jazz adalah sebuah *genre* yang berasal daripada golongan kulit hitam di Amerika Syarikat. Seterusnya, melalui golongan yang ditindas tersebut maka wujudnya *genre* Jazz (Withdyatama, 2012). Terdapat juga sebilangan pihak yang berpendapat bahawa wujudnya Jazz daripada konfrontasi yang dilakukan orang kulit hitam terhadap muzik Eropah. Beliau turut melabelkan Jazz sebagai satu *genre* yang rumit kerana memerlukan seseorang pemuzik mempunyai tahap improvisasi yang tinggi. Pemuzik harus mempunyai kebolehan untuk melakukan improvisasi dengan spontan. Selain itu, improvisasi

ketepatan, kelajuan dan juga keaslian yang dibawa oleh seseorang pemuzik turut menyumbang kepada aspek yang penting dalam *genre Jazz*.

Secara amnya, *genre Jazz* telah melalui sebanyak lapan zaman peralihan dalam perkembangan muzik ini. '*New Orleans & Chicago Style Dixieland*' (1920-1930) atau lebih dikenali sebagai '*Early Jazz*'. Pada era ini, kebiasaannya pemuzik menggunakan instrumen seperti banjo dan tuba kemudian berlaku perubahan apabila alatan tersebut telah digantikan dengan penggunaan gitar dan bass.

'*Swing*' atau '*Big Band Era*' (1930-1945) telah menjadi era yang paling popular dalam sejarah Jazz. Pada era ini, pertunjukan yang dilakukan adalah dalam skala besar. Irama '*swing*' telah melonjakkan lagi nama dan populariti muzik Jazz. '*Steady-pulse*' dipraktikkan pemuzik iaitu irama yang ditetapkan dan disertakan dengan '*swing-feeling*'. Seterusnya, not yang dimainkan oleh pemuzik tidak hanya berlandaskan skor semata-mata.

Era muzik Jazz seterusnya adalah *Bebop* (1945-1950). Pemuzik lebih banyak melakukan penambahbaikan daripada membuat susunan yang rumit seperti pada era '*Swing*'. Perkataan yang dilontarkan oleh pemuzik adalah lebih panjang daripada biasa serta tidak teratur serta banyak menggunakan teknik menggunakan instrumen. Kerumitan dari segi harmoni turut meningkat dalam era tersebut

Komuniti Jazz Ampang 103

Jazz Ampang 103 adalah sebuah badan yang bukan berteraskan keuntungan yang akan dikaji oleh pengkaji. Kumpulan ini juga tidak melibatkan politik, jauh sekali menyentuh sensitiviti beragama serta perkauman dan tidak menggunakan sebarang kekerasan. Penubuhan kumpulan mereka hanyalah disebabkan minat yang

mendalam dalam muzik bergenre Jazz sahaja. Kumpulan Jazz Ampang 103 ini diketuai oleh *Jazz Community Malaysia (JAZZCOMM)*.

Para penggerak Kumpulan Jazz Ampang 103 adalah terdiri daripada individu yang bertanggungjawab bagi membantu meningkatkan kelangsungan muzik Jazz. Kumpulan ini juga tidak mengharapkan sebarang ganjaran terutamanya dari segi kewangan untuk kepentingan mereka sendiri. Malah, persembahan dilakukan secara percuma tanpa sebarang caj bayaran dikenakan. Jazz Ampang 103 bertapak di medan selera Dagang Avenue pada peringkat awal kemunculannya dan telah berpindah ke kawasan kediaman milik Datuk Nik A. Azmi iaitu Pengerusi JAZZCOMM yang terletak di 103, Persiaran Desa Ampang 4, Taman Sri Ampang, Kuala Lumpur. Jazz Ampang 103 dijaga sebagai komuniti bebas tanpa perlu membentuk masyarakat atau persatuan. Pada masa lalu banyak pertubuhan atau persatuan sedemikian telah runtuh akibat penyelewengan dana dan perjuangan kuasa untuk memegang jawatan.



Gambar 1.1. Logo rasmi Jazz Ampang 103.

1.3. PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian merujuk kepada isu yang terdapat dalam kajian yang dijalankan pengkaji. *Genre Jazz* juga pernah mengalami zaman kegemilangan dahulu, namun saban hari Jazz kurang mendapat perhatian terutamanya di media massa. Adil (di dalam Fatimi, 2009), menjelaskan bahawa muzik Jazz sudah lama bertapak di negara iaitu sejak era Allahyarham Tan Sri P. Ramlee lagi. Lagu-lagu beliau turut mendapat sambutan hangat pada waktu tersebut. Tambah beliau lagi, walaupun kini Jazz kurang bersifat komersial berbanding pelbagai *genre* seperti pop rock, rock, hip hop dan balada, hakikatnya Jazz mempunyai ramai kelompok pengikut tegarnya yang masih setia dengan *genre Jazz*. Pengkaji telah mengenal pasti beberapa permasalahan yang wujud dalam kajian ini. Antaranya adalah seperti berikut:

1.3.1. Muzik Jazz dipercayai kurang permintaan adalah disebabkan kurangnya pendedahan Tambahan lagi muzik Jazz hanya dimainkan ditempat yang agak eksklusif seperti kelab malam dan hotel sahaja. Situasi ini secara tidak langsung telah mewujudkan jurang yang agak besar serta memberi persepsi negatif masyarakat terhadap *genre Jazz*. Menurut Noryn (di dalam Azalia, 2016) penerimaan muzik Jazz secara keseluruhannya masih berada di peringkat awal. Beliau turut mengakui bahawa "...pandangan orang ramai terhadap muzik Jazz ini bukan sesuatu yang mudah diubah. Persepsi orang ramai sudah terbiasa dengan tanggapan bahawa muzik yang lebih berirama pop serta '*catchy*,' itu sahajalah yang boleh 'dijual' " (para. 8).

1.3.2. Seterusnya, terdapat beberapa faktor yang memainkan peranan dalam penerimaan *genre* Jazz kepada masyarakat. Menurut Shazryn (2011) masyarakat seringkali menganggap *genre* Blues dan Jazz hanya sesuai dinikmati oleh golongan kelas atasan dan berintelektual. Tambahan lagi disebabkan muziknya yang kedengaran eksklusif dan mahal menjadikan tidak begitu ramai yang mudah jatuh cinta dan tertarik dengan *genre* ini. Tegas beliau, muzik adalah bahasa ‘*Universal*’ dan selayaknya dinikmati dengan lapang dada tanpa wujud rasa prejudis.

1.3.3. Selain itu, permasalahan yang telah dikenal pasti adalah cara dan usaha untuk mendedahkan *genre* ini kepada masyarakat. Menurut Atilia (di dalam Shazryn, 2011) masyarakat sewajarnya dapat menerima muzik Jazz dengan fikiran yang terbuka. Tambah beliau lagi, Jazz juga harus dilihat sebagai muzik komersial yang dapat memberikan hiburan optimum kepada masyarakat. Dakwa Atilia “sudahlah lagu-lagu kami tidak dimainkan di radio, jadi kami harus mencari pentas kami sendiri agar muzik kami dapat didengar dan dinikmati oleh masyarakat” (para. 11). Selain itu, Meor (2015) menyatakan bahawa lagu-lagu pada era Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sangat berkualiti dari segi melodi dan susunan muziknya yang dipenuhi dengan *mood* Jazz walaupun lagu tersebut bergenre pop. Beliau juga beranggapan bahawa tahap penerimaan masyarakat pada tahun 50-an lebih terbuka dan bijak jika dibandingkan dengan pendengar zaman ini. Situasi tersebut berkemungkinan besar disebabkan oleh pengaruh dari filem yang mengandungi lagu hebat dan telah berjaya mempengaruhi serta menusuk ke dalam jiwa penonton.

1.4. PERSOALAN KAJIAN

Berikut adalah persoalan yang wujud ketika pengkaji memulakan kajian ini:

- 1.4.1 Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pengunjung Jazz Ampang 103 sama ada menerima atau menolak muzik bergenre Jazz?
- 1.4.2 Bagaimanakah langkah-langkah untuk meningkatkan penerimaan pengunjung terhadap muzik bergenre Jazz dengan menggunakan Jazz Ampang 103 sebagai hub bagi peminat Jazz?

1.5. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif yang telah dikenal pasti untuk digunakan pengkaji dalam menjalankan kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.5.1. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan masyarakat terhadap muzik Jazz.

Selain itu, pengkaji dapat mengenal pasti faktor-faktor sama ada pengunjung menerima atau tidak menerima muzik Jazz. Berdasarkan objektif ini juga, pengkaji ingin melihat sejauh mana keberkesanan kaedah yang digunakan oleh Jazz Ampang 103 dalam usaha untuk memberi pendedahan berkaitan *genre* Jazz kepada masyarakat melalui persembahan secara langsung. Perkara ini sekali gus diharap dapat mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap muzik Jazz.

- 1.5.2. Mengetahui langkah-langkah yang dapat diterapkan untuk menarik peminat Jazz untuk hadir dan menjadikan Jazz Ampang 103 sebagai hub muzik Jazz.

Seterusnya, melalui objektif ini pengkaji akan mengenal pasti serta mengesyorkan langkah-langkah yang boleh diambil oleh Jazz Ampang 103 untuk mengembangkan lagi bilangan penonton dan penggemar Jazz. Antara kaedah yang

dikenal pasti oleh pengkaji adalah melalui teknik promosi. Penggunaan medium laman siaran seperti 'Facebook' dan 'YouTube' mampu menjadi media utama dalam mempromosikan Jazz Ampang 103 kepada masyarakat. Kaedah tersebut juga mampu menarik lebih ramai penonton untuk datang ke Jazz Ampang 103. Pengkaji juga ingin menyangkal persepsi terhadap Jazz yang hanya untuk golongan kelas atasan sahaja.

1.6. KEPENTINGAN KAJIAN

Sesebuah kajian yang dijalankan jelas mempunyai kepentingannya yang tersendiri sama ada berkepentingan kepada penyelidik atau pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian yang dilakukan. Antaranya adalah:

1.6.1. Kepentingan terhadap muzik Jazz itu sendiri.

Maizon menyatakan bahawa “penerimaan muzik Jazz di negara ini masih lagi belum diterima secara meluas seperti negara-negara maju lain” (di dalam Atak, 2016, para. 3). Menurut beliau lagi, kurangnya penerimaan adalah disebabkan oleh kurangnya pendedahan tentang muzik Jazz secara umum di media terutamanya di televisyen dan radio. Oleh itu, pendedahan tentang muzik Jazz kepada masyarakat perlu diperbanyakkan lagi agar dapat memperkembangkan lagi potensi Jazz setanding negara barat. Pada masa yang sama melalui pendedahan ini dapat mempelbagaikan *genre* yang ada dalam industri.

1.6.2. Kepentingan terhadap komuniti Jazz Ampang 103.

Kajian yang dijalankan pengkaji ini penting kepada komuniti Jazz Ampang 103 kerana Jazz Ampang 103 adalah salah satu kumpulan yang masih aktif dalam memikul tanggungjawab mengangkat muzik Jazz sehingga ke peringkat lebih tinggi

dan diperkenalkan kepada masyarakat setempat. Selain bertujuan untuk menghiburkan penonton, Jazz Ampang 103 juga adalah antara penggerak utama selain JAZZCOMM dalam usaha untuk mendidik dan memberi pendedahan kepada orang ramai tentang *genre* Jazz di Jazz Ampang 103, Kuala Lumpur.

1.6.3. Kepentingan terhadap pengkaji.

Kajian ini juga amat penting kepada pengkaji sebagai pelajar tahun akhir yang memerlukan pengkaji untuk menyempurnakan projek tahun akhir bagi memenuhi syarat bergraduasi. Selain itu, minat pengkaji yang mendalam terhadap *genre* Jazz telah mendorong pengkaji menjalankan kajian terhadap muzik tersebut. Besar harapan pengkaji agar kajian ini dapat disempurnakan tepat pada masanya serta dapat dijadikan rujukan kepada pengkaji pada masa hadapan.

1.7. SKOP & BATASAN KAJIAN

Skop kajian yang dilakukan oleh pengkaji melibatkan penduduk di sekitar Ampang, Kuala Lumpur dan Komuniti Jazz Ampang 103 yang terletak di Persiaran Desa Ampang 4, Taman Sri Ampang, Kuala Lumpur. Kajian ini juga turut memfokuskan kepada penerimaan muzik Jazz dalam kalangan masyarakat di Ampang, Kuala Lumpur serta faktor penerimaan *genre* tersebut dalam masyarakat. Skop kajian yang tertumpu kepada pengunjung yang hadir di Jazz Ampang 103 kerana pengkaji ingin mengetahui sejauh mana penerimaan pengunjung yang hadir di kawasan tersebut terhadap muzik Jazz yang dipersembahkan oleh Komuniti Jazz Ampang 103. Kajian yang bakal dilakukan ini hanya melibatkan masyarakat dalam kalangan pengunjung yang hadir di Jazz Ampang 103 sahaja. Oleh hal demikian

segala keputusan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada pengunjung di acara atau konsert Jazz yang lain.

1.8. LIMITASI KAJIAN

Limitasi kajian merujuk kepada perkara atau masalah yang tidak dapat dilakukan dalam kajian yang dijalankan pengkaji. Antara perkara yang melimitkan pengkaji untuk menjalankan kajian adalah seperti berikut. Masalah utama yang dihadapi pengkaji adalah jarak tempat lokasi kajian yang ingin dikaji pengkaji sangat jauh iaitu di Ampang, Kuala Lumpur. Lokasi tersebut terletak jauh dari tempat tinggal pengkaji yang berada di Kota Samarahan, Sarawak iaitu tempat pengkaji sedang menyambung pengajian iaitu di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Tambang pengangkutan perjalanan pergi dan balik ke lokasi kajian sudah tentu memerlukan pengkaji mengeluarkan kos perbelanjaan yang agak tinggi untuk menyempurnakan kajian pengkaji.

Selain itu pengkaji turut menghadapi kesulitan dari segi kekangan masa untuk pengkaji menjalankan pemerhatian dan menjalankan temu bual terhadap responden. Perkara ini disebabkan oleh Jazz Ampang hanya beroperasi di taman perumahan yang terletak di 103, Persiaran Desa Ampang, Taman Sri Ampang, Kuala Lumpur pada setiap hujung minggu dipengakhiran bulan sahaja. Perkara tersebut mendatangkan kesukaran kepada pengkaji untuk menjalankan temu bual dan mengedarkan borang soal selidik disebabkan berlaku pertindihan jadual dan kesuntukan masa yang dihadapi pengkaji untuk menjalankan kajian.

Seterusnya, pengkaji terpaksa berhadapan dengan masalah peruntukan masa yang diperlukan untuk pengkaji menjalankan temu bual dan pemerhatian adalah amat

singkat. Pengkaji turut menghadapi kesulitan untuk mengedarkan borang soal selidik kerana pengkaji melakukannya secara bersendirian. Tambahan lagi, lokasi dan persekitaran kajian pengkaji yang diadakan pada waktu malam berkemungkinan besar akan menyukarkan lagi pengkaji mendapatkan kerjasama daripada para responden untuk menjawab borang soal selidik.

Sebagai pelajar sepenuh masa, pengkaji turut mengalami masalah dari segi kewangan. Disebabkan oleh jarak lokasi kajian yang jauh, pengkaji terpaksa menanggung segala kos perbelanjaan kerana tidak mendapat sokongan dari segi bantuan kewangan daripada mana-mana pihak semasa menjalankan kajian. Justeru, kewangan pengkaji amat terhad untuk menjalankan kajian lapangan namun pengkaji mencuba sebaik mungkin agar dapat menyempurnakan kajian ini.

1.9. KESIMPULAN BAB

Walaupun Jazz milik orang kulit hitam dan bukan berasal daripada muzik tempatan, tidak menjadi satu kesalahan seseorang untuk meminatinya. Justeru penghayatan serta cara mereka mengekspresikan seni melalui muzik kulit hitam ini wajar dikagumi dan dicontohi oleh industri muzik tempatan bagi menghasilkan muzik yang tidak hanya sekadar *trend* semata-mata. Buktinya, hasil daripada ketulusan dan keperitan hidup yang dilalui mereka telah berjaya menghasilkan karya yang amat berkualiti. Jazz ini mempunyai keunikan dan kelasnya yang tersendiri serta bilangan penggemar muzik ini di Malaysia masih jauh ketinggalan berbanding negara luar sebagai contoh terdekat adalah negara Indonesia. Secara keseluruhannya, hasil daripada kupasan bab 1, muncul pelbagai persoalan yang timbul daripada permasalahan kajian yang dinyatakan. Oleh itu, pengkaji akan menjawab persoalan tersebut di bab 4.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1. PENGENALAN BAB

Bab ini akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji yang terdahulu. Segala maklumat yang dijumpai pengkaji meliputi tesis, buku, penulisan ilmiah, artikel, jurnal, temubual dan sebagainya. Segala maklumat yang bakal diperoleh pengkaji adalah daripada pelbagai sumber perpustakaan termasuk terbitan secara atas talian. Segala sumber yang diperolehi pengkaji melibatkan Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) UNIMAS dan keratan akhbar. Oleh itu, pengkaji akan membuat pembahagian kajian literatur ini kepada tiga bahagian yang meliputi buku, penulisan ilmiah dan segala maklumat yang diperolehi daripada Internet.

2.2 Buku

Pengkaji memilih beberapa buku untuk dijadikan sebagai panduan kerana pengisiannya mempunyai kaitan dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Berdasarkan kamus Dewan Edisi Keempat, muzik adalah satu gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk serta irama yang indah lagi mendamaikan. Terdapat pelbagai jenis *genre* muzik yang ada seperti Pop, Soul, Rock dan sebagainya. Pengkaji telah memilih muzik *genre* Jazz untuk menjalankan kajian lebih lanjut terhadap *genre* tersebut.

Setiap individu mempunyai keutamaan muziknya tersendiri yang boleh dinikmati dan mempunyai nilai, atau sebaliknya menjadi muzik yang dibenci serta

dikecualikan untuk didengar (Eisentraut, 2013, m.s. 1). Penulisan bukunya yang bertajuk '*The Accessibility of Music: Participation, Reception, and Contact*' menyatakan bahawa penghayatan muzik yang melibatkan diri seseorang secara mendalam mampu menggambarkan personaliti serta identiti individu tersebut. Berdasarkan hujahnya lagi, perkara tersebut akan melibatkan kecenderungan beserta minat, keperibadian seseorang individu dan pengalaman terdahulu yang pernah dialami. Eisentraut (2013) turut menegaskan bahawa aspek-aspek yang terdapat dalam keadaan sosial individu boleh mencerminkan muzik yang sesuai serta menarik kepada seseorang. Aspek-aspek seperti peringkat umur, jantina, kelas sosial dan latar belakang budaya dapat membahagikan peminat muzik menjadi pelbagai jenis kelompok kategori yang berbeza. Perkara tersebut diperkukuhkan lagi oleh kepelbagaian, persatuan dan kesesuaian kepada pendengar serta peminat muzik itu sendiri.

Seperti yang di dakwa muzik adalah suatu ciptaan artistik yang mewujudkan tindak balas estetik dengan melibatkan penggunaan banyak bakat muzik seperti tempo dan harmoni (Carroll & Flood, 2011). Turut dipercayai muzik sedikit sebanyak mempunyai hubung kait dengan persepsi manusia. Menurutnya lagi terdapat pelbagai jenis muzik dapat ditemui dalam setiap budaya yang berbeza. Variasi budaya yang berlaku menggambarkan sejarah terdahulu serta pengalaman tersendiri daripada pelbagai bangsa. Selain itu, turut terkandung dalam buku yang berjudul '*The Persuasive Leader: Lessons from the Arts*' bahawa kelulusan sosial juga adalah antara faktor penerimaan terhadap bunyi yang tertentu. Turut dipercayai seseorang manusia menerima bunyi mengikut urutan tertentu yang berdasarkan pengalaman masa lampau dan penyesuaian sosial.